

IPMB hasilkan benih ikan marin bernilai tinggi

Diiktiraf Kementerian Pendidikan Tinggi dengan skim geran dana HiCoE sebanyak RM6.75 juta

UB 13.01.2024 P.04

KOTAKINABALU: Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HiCoE) bagi penghasilan benih ikan marin bernilai tinggi.

Pengarah IPMB, Prof. Madya Dr. Ching Fui Fui, berkata IPMB menerima pengiktirafan itu daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan skim geran dana HiCoE sebanyak RM6.75 juta.

Katanya, IPMB merupakan HiCoE pertama di Borneo dengan bidang penyelidikan berfokus kepada Sekuriti Makanan Laut yang menjurus kepada penghasilan benih ikan bernilai tinggi seperti ikan kerapu dan ikan maming.

Beliau berkata, IPMB melakar sejarah dalam industri akuakultur kerapu dengan kejayaan menghasilkan ikan kerapu hibrid sebelum ini, yang mempunyai kadar pertumbuhan pantas dalam tempoh tujuh bulan berbanding tiga tahun bagi ikan kerapu biasa.

Menurutnya, pertumbu-


han pantas ikan kerapu itu penting untuk memenuhi permintaan pasaran makanan laut bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau Asia.

“Selain ikan kerapu, IPMB juga giat menjalankan penyelidikan ikan maming dalam pelbagai aspek termasuklah genetik dan pembiakan, pemakanan dan kesihatan serta pengurusan sistem ternakan.

“Setakat ini, IPMB berjaya mengenal pasti jantina dan tahap kematangan induk ikan maming dan berupaya memperoleh telur ikan maming yang berkualiti dan sedia disenyawakan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir ke Hatceri Ikan IPMB sempena lawatan kerja sulungnya ke UMS, baru-baru ini.

Turut mengiringi lawatan Zambry ialah Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Azlinda Azman dan Naib



IKTIRAF: Spesies ikan Maming yang terdapat di Hatceri Ikan UMS.

Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor.

Sementara itu, Kasim berkata impak penyelidikan ikan kerapu hibrid UMS menghasilkan nilai ekonomi sebanyak USD630 juta seperti didokumentasikan Food and Agriculture (FAO) pada tahun 2015 dan nilai ekonominya terus meningkat sehingga kini.

“Saya yakin kejayaan yang sama boleh dilakukan terhadap ikan-ikan bernilai tinggi lain khususnya ikan maming bagi memastikan

keterjaminan makanan laut menerusi penghasilan benih ikan berkualiti tinggi.

“Usaha ini dijangka mampu mengurangkan isu kepupusan ikan bernilai tinggi yang akan menjamin kelestarian sumber perikanan selain dapat memacu sumber ekonomi menerusi kerjasama dengan rakan akuakultur dan industri,” katanya.

Pada lawatan itu, Kasim turut menzahirkan penghargaan kepada KPT atas penyaluran dana sebanyak RM3 juta untuk tahun per-



LAWAT: Zambry (tiga kanan) dan Kasim (kanan) ketika melawat Hatceri Ikan UMS.

tama pelaksanaan program HiCoE IPMB.

HiCoE IPMB juga akan bekerjasama dengan Kindai Universiti dan beberapa universiti di dalam dan luar negara serta Kerajaan Negeri Sabah dalam memacu ekonomi biru yang menjadi agenda pembangunan negeri Sabah sebagai hab ekonomi negara.

KEJAYAAN: Warga IPMB ketika sesi pemberian makanan induk ikan di Hatceri UMS.

